

# ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN  
ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

## REKABENTUK DALAMAN *Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri  
Perniagaan:  
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:  
Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik

**PASCA PANDEMIK:**  
*10 Idea Trending*  
*Perniagaan Kecil di Malaysia*

**SYAQIST**

**PENERAJU**

**CADAR PATCHWORK  
PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN  
RAHMAT ATAU SUMPAHAN?**

## IDEA PERNIAGAAN

# **PASCA PANDEMIK: 10 IDEA TRENDING PERNIAGAAN KECIL DI MALAYSIA**

**M**alaysia merupakan salah satu destinasi pelaburan yang popular di kalangan negara Asia Tenggara. Ekonomi Malaysia yang rancak telah berjaya menarik ramai usahawan asing dan tempatan.

Walaubagaimanapun, ramai yang masih keliru dalam mencari idea jenis perniagaan kecil-kecilan yang “trending” dan mampu memberi pulangan yang memberansangkan. Artikel ini mencadangkan 10 idea perniagaan kecil yang popular dan menguntungkan di Malaysia.

- **Perniagaan restoran**
- **Penjagaan kanak-kanak**
- **Dobi**
- **Kedai kopi**
- **Agensi pelancongan**
- **Pelancongan**
- **Syarikat fesyen**
- **Kafe**
- **Pembaikan Komputer dan Telefon Pintar**
- **Servis pembersihan**



**Dr Wan Normila Mohamad**  
**Dr Jamilah Mohd Mahyideen**  
**Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli**  
**Hafisah Yaakob**

### **Perniagaan Restoran**

Malaysia adalah negara pelancongan yang ramai pelancong asing berkunjung setiap tahun. Restoran adalah perniagaan terbaik di Malaysia jika dimulakan dengan strategi perancangan yang bijak. Faktor pemilihan lokasi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesebuah perniagaan. Antara lokasi yang sesuai adalah seperti berhampiran kawasan sesak, sekolah, pasar, pusat beli-belah, kondo dan kawasan pejabat. Pengusaha perlulah mendapatkan lesen perniagaan dari pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sijil halal dari JAKIM. Pekerja yang mempunyai kelebihan dalam beberapa bahasa adalah bonus untuk menarik pelanggan ke restoran.



## Penjagaan Kanak - Kanak

Malaysia adalah negara pelancongan yang ramai pelancong asing berkunjung setiap tahun. Restoran adalah perniagaan terbaik di Malaysia jika dimulakan dengan strategi perancangan yang bijak. Faktor pemilihan lokasi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesbuah perniagaan. Antara lokasi yang sesuai adalah seperti berhampiran kawasan sesak, sekolah, pasar, pusat beli-belah, kondo dan kawasan pejabat. Pengusaha perlulah mendapatkan lesen perniagaan dari pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sijil halal dari JAKIM. Pekerja yang mempunyai kelebihan dalam beberapa bahasa adalah bonus untuk menarik pelanggan ke restoran.



## Kedai Dobi

Perniagaan dobi atau dobi layan diri mempunyai potensi dan permintaan yang agak tinggi. Pengusaha perlu melihat faktor lokasi yang strategik seperti berdekatan kawasan perumahan, gaya hidup masyarakat setempat dan kemudahan infrastruktur. Disamping itu, faktor kehadiran pelancong asing dan tempatan yang semakin bertambah juga telah meningkatkan lagi permintaan dobi layan diri.

## Kedai Kopi

Perniagaan yang semakin mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi adalah kedai kopi. Selepas penat bekerja, ramai yang ingin meluangkan masa berkualiti bersama rakan sekerja di kedai kopi sambil menikmati secawan kopi. Perniagaan ini boleh memberi keuntungan yang mudah kerana permintaan yang tinggi. Jika lokasi kedai kopi itu di lokasi perniagaan, pastinya mudah untuk mempunyai pelanggan tetap kerana kemampuan ekonomi pelanggan itu sendiri. Selain itu, keperluan dan kegilaan trend untuk mengadakan perbincangan di kedai-kedai kopi semakin memuncak di era selepas pandemik.



Pada 2024, hasil dalam pasaran kopi di Malaysia berjumlah AS\$221.4 juta dan diunjurkan mengalami kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.98% (CAGR 2024-2028). Di Malaysia, pasaran kopi mengalami lonjakan permintaan untuk kopi istimewa, dengan pengguna mencari minuman yang unik dan berkualiti tinggi.



## Agensi Pelancongan

Sektor pelancongan telah mengalami peningkatan yang ketara selepas pasca pandemik. Ini adalah peluang untuk pengusaha agensi pelancongan menawarkan perkhidmatan pelancongan dalam dan luar negara. Sehubungan itu, pengusaha agensi pelancongan perlu menawarkan pakej-pakej yang menarik dengan harga yang berpatutan.



## Perniagaan Fesyen



Permintaan fesyen di Malaysia dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti trend terkini, musim dan faktor budaya. Pengusaha perlu mengenalpasti segmen sasaran pelanggan dengan memberi tumpuan kepada aspek rekabentuk dan keselesaan, harga dan rekaan yang selaras dengan budaya dan tren terkini. Ini membuka peluang kepada pereka-pereka muda dan pereka fesyen untuk membina jenama masing-masing.

## Pelancongan

Malaysia menjadi tuan rumah kepada sebilangan besar pelancong secara konsisten. Ini meninggalkan manfaat besar yang diperoleh oleh pelabur dalam bahagian pelancongan negara. Jika pelabur telah menyediakan bajet yang besar untuk membuka perniagaan pelancongan, mereka mungkin membina pusat peranginan atau hotel serta menawarkan perkhidmatan kepada pelancong untuk melabur semula. Syarikat bebas juga boleh memanfaatkan segmen dengan menawarkan produk, perkhidmatan dan pentadbiran yang membantu pelancong. Perniagaan berdasarkan pelancongan ini boleh memberi keuntungan besar dan menjana pendapatan di era pos pandemik tidak kira sama ada modal yang kecil ataupun besar..



## Kafe

Permintaan perniagaan berkonsepkan kafe di Malaysia terus meningkat selari dengan perubahan gaya hidup masakini. Selain dari menjadi tempat menjamu selera, kafe juga menjadi tempat bersosial bagi kebanyakan rakyat Malaysia terutamanya di bandar bandar. Ia membuka peluang besar kepada yang meminati bidang perniagaan kafe yang menjual makanan segera atau makanan ringan seperti yogurt, ais krim atau kek. Memulakan perniagaan pemakanan adalah mudah dan memerlukan modal yang minimum. Dengan cara ini, keuntungan besar boleh dijangka daripada slot perniagaan ini sama ada tempatan atau antarabangsa ditambah pula dengan lokasi yang menarik.



## Pembaikan Komputer dan Telefon Pintar

Telefon pintar dan komputer riba merupakan peranti mudah alih yang kebiasaannya dimiliki oleh setiap orang. Ini menunjukkan bahawa peluang untuk perniagaan dalam membaiki kerosakan peranti adalah besar. Kehidupan masa kini yang memerlukan kos kehidupan yang tinggi menyebabkan ramai lebih suka membaiki peranti mereka daripada membeli peranti baru. Mempunyai kemahiran atau pengalaman dalam membaiki gajet memberi peluang yang terbaik untuk mendapat keuntungan di dalam perniagaan ini.

## Servis Pembersihan



Kejayaan restoran bukan ditentukan oleh kualiti menu semata-mata namun ia juga sangat dipengaruhi oleh seni rekabentuk dalaman (interior). Rekabentuk dalaman restoran memainkan peranan penting dalam mencipta pengalaman pelanggan sekaligus menjadi elemen pemasaran yang kuat untuk menarik pelanggan baru dan mengekalkan pelanggan sedia ada.



## Rujukan

<https://www.sfconsultingbd.com/small-business-ideas-in-malaysia>